

**Bukit Kepong: Beri peluang Mat Sabu jelaskan, kata Anwar**  
**The Malaysian Insider**  
**02 September, 2011**

KUALA LUMPUR, 2 Sept — Mohamad Sabu sepatutnya diberi ruang untuk menerangkan keadaan sebenar terlebih dahulu sebelum dikecam tanpa usul periksa oleh media arus perdana dalam isu membabitkan dakwaan membela komunis dalam peristiwa Bukit Kepong.

Ketua Umum Pakatan Rakyat Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, media arus perdana tidak langsung memberi peluang kepada Mohamad (gambar), Timbalan Presiden PAS, untuk menjelaskan perkara sebenar.

“Mereka bersama pimpinan Umno terus menyerang Mohamad Sabu tanpa diberi ruang untuk membela diri di atas dakwaan yang dimainkan oleh media milik mereka.

“Serangan demi serangan ini seolah-olah tidak langsung memberi keadilan kepada Mohamad, kerana beliau bukan saja ditekan tanpa diberi peluang, tetapi diasak bertubi-tubi tanpa ruang.

“Mekanisme yang digunakan oleh media milik pemerintah ini, adalah antara agenda dan serangan yang diaplikasikan menjelang pilihan raya umum yang akan datang,” kata beliau dipetik Harakahdaily.

Dalam kenyataan pertama mengenai isu ini kata beliau, perkara ini sengaja dimainkan oleh media milik Umno sebagai usaha memberi imej buruk kepada masyarakat dengan memberi label yang menyimpang kepada pimpinan Pakatan Rakyat.

“Sepatutnya Mohamad diberi ruang untuk membela diri dan bukannya dikecam sebegitu rupa oleh media arus perdana milik Umno sekiranya benar-benar mereka adalah media yang adil dan telus dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah kepada rakyat negara ini,” kata beliau.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bukit-kepong-beri-peluang-mat-sabu-jelaskan-kata-anwar/>